

Majlis Makan Malam Sambutan 40 Tahun MTIB

Rabu, 16 Oktober 2013 10:01



-MALAY VERSION ONLY-

UCAPAN OLEH
YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
SEMPENA
MAJLIS MAKAN MALAM
SAMBUTAN 40 TAHUN MTIB
PADA SELASA 4 JUN 2013, JAM 8.00 MALAM
HOTEL SUNWAY PUTRA
KUALA LUMPUR

Assalamualaikum wa rahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Yang dihormati saudara/saudari pengacara majlis,

YB Dato' Sri Douglas Uggah Embas
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

YB Dato' Noriah binti Kasnon
Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

YB Datuk Madius Tangau
Pengerusi Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Y.Brs. Dr. Jalaluddin bin Harun
Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Ahli-ahli Lembaga MTIB

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan serta Agensi Kerajaan,

Tuan Yang Terutama Perwakilan Asing ke Malaysia

Pemimpin-pemimpin dan pengamal industri perindustrian Malaysia

Dif-Dif Kehormat, YBhg Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurniaNya, kita dapat berhimpun pada malam ini bagi meraikan ulangtahun penubuhan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia atau MTIB yang ke-40. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), dan khususnya kepada MTIB yang telah sudi menjemput saya untuk bersama-sama tuan/puan bagi menyambut ulangtahunnya yang ke-40 pada malam ini.

Tuan / Puan yang dihormati sekalian,

2. Semenjak kemerdekaan, sektor perladangan dan komoditi telah memberi sumbangan yang besar dan bermakna kepada pembangunan negara dari segi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), pendapatan eksport dan guna tenaga. Walaupun pelbagai cabaran yang dihadapi di peringkat serantau dan antarabangsa, namun

dengan usaha dan kerjasama pelbagai pihak, sektor ini terus berkembang maju dan memberikan manfaat kepada rakyat. Prestasi dan pencapaian dalam sektor komoditi dari segi harga dan pendapatan telah memberikan kesan berganda yang positif kepada keseluruhan ekonomi negara termasuk pertumbuhan industri-industri yang berasaskan komoditi dan industri sokongan.

3. Dalam hubungan ini, industri perkayuan sememangnya diiktiraf sebagai salah satu penyumbang terpenting. Pencapaian ini adalah hasil daripada usaha dan sumbangan pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembangunan industri perkayuan seperti agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, majlis-majlis dan persatuan-persatuan perdagangan kayu serta industri. Bagi menyelaraskan dan menggembelng peranan semua pihak, Kerajaan telah menubuhkan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

4. MTIB yang ditubuhkan 40 tahun yang lalu telah memainkan peranan yang utama dalam memastikan industri perkayuan berkembang secara teratur. Di kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah kepada warga kerja MTIB kerana telah berjaya menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang semenjak penubuhan Lembaga ini. Justeru, majlis yang diadakan pada malam ini adalah amat bermakna dan bertepatan untuk meraikan kejayaan dan sumbangan sepanjang tempoh tersebut.

5. Saya berharap sumbangan MTIB dalam menerajui pembangunan industri perkayuan ke tahap yang lebih tinggi dapat dikekalkan seiring dengan tanggungjawab yang diperlukan. Saya yakin industri berasaskan kayu berpotensi untuk bersaing dengan negara-negara maju, terutamanya dalam penggunaan teknologi baru. Perkara ini telah dapat dibuktikan yang mana Malaysia telahpun dikenali sebagai pengeksport terbesar kayu tropika bergergaji dan papan lapis, serta pengeksport perabot kelapan tertinggi di dunia.

Tuan / Puan yang dihormati sekalian,

6. Sungguhpun industri perkayuan negara telah berkembang pesat, namun ia juga menghadapi banyak cabaran di peringkat antarabangsa yang meliputi isu-isu perdagangan, lestari (sustainability) dan sumber bekalan yang sah (legality). Antaranya ialah kempen anti kayu kayan tropika, isu pensijilan kayu, penyeludupan, pembalakan haram, dan pemanasan global. Sebagai organisasi yang telah wujud selama 40 tahun, adalah menjadi harapan Kerajaan agar MTIB terus responsif dan peka terhadap isu-isu serta kehendak stakeholder yang sentiasa berubah. Untuk itu, semua wargakerja MTIB perlulah berusaha untuk melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan dan kepakaran bagi membantu tugas mereka dalam suasana yang kini begitu mencabar.

7. Dalam konteks ini, Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) yang dilancarkan pada 17 Februari 2009 mengandungi pelbagai strategi untuk dilaksanakan oleh semua stakeholder bagi menghadapi cabaran-cabaran tersebut. Dasar ini juga menggariskan hala tuju spesifik bagi membentuk industri perkayuan yang lebih menyerlah menjelang 2020. Pelaksanaan dan kejayaan NATIP adalah amat penting untuk membolehkan kita mencapai pendapatan eksport produk perkayuan sejumlah RM 53 bilion. Bagi mencapai sasaran ini, usaha yang dijalankan pada masa kini dan perancangan bagi masa depan perlu dibuat secara bersepadu.

8. Saya turut mengambil kesempatan ini untuk menggalakkan industri perkayuan mengambil peluang untuk meningkatkan usaha nilai tambah yang kreatif terhadap produk yang dihasilkan. Empat elemen utama yang perlu diberi perhatian adalah:

- penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (RD&C);
- penggunaan teknologi terkini ke arah automasi pengeluaran;
- pembangunan modal insan untuk menyokong langkah transformasi; dan
- inovasi bagi produk dan sistem pengeluaran.

9. Saya ingin melihat industri ini bergerak pantas serta dapat terus berkembang secara mampan agar ia dapat membantu memaksimumkan sumbangan kepada pembangunan negara. Saya juga berharap MPIC dan MTIB dapat membantu negeri Sabah dan Sarawak dalam meningkatkan aktiviti nilai tambah produk kayu.

10. Sehubungan dengan itu, penekanan hendaklah diberi kepada aktiviti pemprosesan bernilai tambah menerusi usaha-usaha penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C). Ini amat penting untuk

meningkatkan tahap daya saing keluaran kayu-kayan Malaysia, kerana jika kita masih duduk ditakuk yang lama maka kita akan jauh ketinggalan berbanding dengan negara-negara pengeluar yang lain. Dalam hal ini, inisiatif MTIB untuk memberi fokus kepada bidang yang berpotensi besar dalam sektor perkayuan, seperti produk biokomposit, contohnya komposit plastik kayu (wood plastic composites) dan produk perkayuan dari batang kelapa sawit yang sesuai digunakan untuk pelbagai aplikasi adalah langkah yang wajar.

11. Selain itu, pembinaan Galeri Glulam di Johor Baru merupakan salah satu mercu tanda kejayaan MTIB sebagai perintis dalam sektor pembinaan bangunan moden menggunakan teknik kayu glulam dan Industrialised Building System (IBS). Kita bangga dengan pencapaian ini yang telah mendapat pengiktirafan dalam Malaysia Book of Records.

Tuan / Puan yang dihormati sekalian,

12. Dunia mengiktiraf produk keluaran kayu Malaysia yang bermutu tinggi. Saya turut difahamkan bahawa eksport kayu kayan negara pada tahun 2012 adalah sebanyak RM 20.2 billion. Perabot menjadi penyumbang yang terbesar di kalangan aktiviti pemprosesan dalam industri perkayuan dengan eksport bernilai RM 6.55 billion, dengan anggaran 50% dihasilkan oleh pengusaha di negeri Johor, dan sebahagian besarnya dari Muar. Bagi mengekalkan kedudukan kita sebagai pengeksport perabot yang berkualiti tinggi, tumpuan kita hendaklah kepada usaha untuk menangani cabaran-cabaran dan persaingan di persada antarabangsa. Justeru itu, sebarang konflik dalaman akan membantut usaha kita untuk memperkasakan industri perabot dan mencapai matlamat yang disasarkan. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada semua pihak yang terlibat dalam industri perabot supaya dapat bekerjasama secara kolektif. Pihak Kerajaan sentiasa prihatin dan sedia membantu dalam membangunkan industri perabot negara.

13. Di sini, saya berharap agar MPIC dan MTIB serta agensi-agensi relevan dengan kerjasama pihak industri dapat menjalankan inisiatif-inisiatif bagi mengembangkan lagi pasaran kayu-kayannya ke negara-negara yang berpotensi. Selain itu, penjenamaan dan reka bentuk produk harus diberi perhatian oleh Kerajaan kerana dengan cara ini Malaysia mampu dikenali oleh negara-negara luar melalui kualiti produk kayu yang ditawarkan. Pengeluaran produk perkayuan bernilai tambah tinggi dapat melonjakkan pendapatan dengan penekanan terhadap pengeluaran berkonsepkan ODM (original design manufacturing) dan OBM (original brand manufacturing).

14. Selain itu, selaras dengan matlamat Wawasan 2020 serta hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi, penekanan hendaklah diberi kepada pembangunan modal insan. Sehingga kini, dianggarkan seramai 300,000 tenaga pekerja berkhidmat dalam sektor perkayuan, namun bilangan pekerja mahir adalah masih berkurangan dan perlu dipertingkatkan. Menyedari hakikat tersebut, MTIB dan Kementerian Pelajaran Malaysia (melalui Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional) sedang bekerjasama dalam menghasilkan tenaga kerja mahir yang berdaya saing serta mempunyai kelayakan dan kemahiran yang diiktiraf oleh industri. Saya yakin dengan usaha begini, ia akan mengubah landskap pekerjaan dengan mempertingkatkan bilangan tenaga pekerja mahir dari 28% kepada 35% di peringkat nasional.

Tuan / Puan yang dihormati sekalian,

15. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menggalakkan usahawan SME khususnya Bumiputera untuk mempertingkatkan penyertaan dalam perindustrian kayu. Saya ingin menggalakkan usahawan-usahawan untuk terus memanfaatkan kemudahan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh kementerian, agensi atau organisasi seperti MITI, SME Corp, TERAJU, institut perbankan atau MTIB sendiri. Saya difahamkan terdapat satu teras di dalam NATIP yang mensasarkan prestasi eksport usahawan Bumiputera mencapai RM10 billion menjelang tahun 2020. Perkara ini boleh dicapai sekiranya strategi dan program pembangunan eksport usahawan Bumiputera dilaksanakan secara sistematik berserta dengan komitmen yang tinggi daripada pengusaha itu sendiri.

16. Akhir kata, adalah menjadi harapan saya agar MTIB akan terus gigih dalam meningkatkan prestasi industri kayu negara dengan agenda-agenda transformasi industri yang berterusan. Sebelum saya akhiri ucapan saya, ingin saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada MTIB dan semoga terus kekal menyumbang ke arah meningkatkan martabat industri perkayuan negara.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.